

11 FEB 2003

Mahathir-pusat/I

TAK BENAR KL BERLEBIHAN PUSAT KONVENSYEN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 11 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak tanggapan kononnya Kuala Lumpur mempunyai lebih pusat bagi persidangan dan pameran antarabangsa.

Perdana Menteri berkata terdapat permintaan bertambah bagi bilik, dewan serta pusat konvensyen dan mesyuarat kerana Kuala Lumpur telah menjadi sebuah kota raya serba maju.

"Kuala Lumpur semakin berkembang. Permintaan untuk bilik, untuk pusat bagi konvensyen dan pameran antarabangsa juga bertambah. Semua ini perlu.

"Sekarang ini susah hendak dapat tempat untuk anjurkan majlis. Orang nak adakan majlis perkahwinan sekarang di hotel, tidak macam dulu pasang khemah buat di rumah. Banyak majlis perkahwinan dibuat di hotel, (begitu juga) mesyuarat dan konvensyen antarabangsa. Tak cukup tempat. Banyak orang kena tangguh dia punya majlis kerana tak dapat tempat.

"Jadi, saya fikir tidak ada lebih," katanya kepada pemberita selepas melancarkan pembangunan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di Kuala Lumpur City Centre di sini hari ini.

Ketika ditanya tentang perasaannya kerana "meninggalkan" pelbagai pembangunan yang ketara di Kuala Lumpur dan Putrajaya, Dr Mahathir berkata : "Saya tak tahulah sama ada saya meninggalkan sesuatu atau tidak. Saya berpuas hati dengan hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara aman."

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir melahirkan rasa gembira kerana kawasan sekitar KLCC, yang dulunya sebuah padang lumba kuda, telah dapat dibangunkan sebagai satu kawasan terindah dan termoden sekali dalam negara ini.

"KLCC ialah satu projek yang sedang dibangunkan kerana banyak lagi projek lain yang akan ditempatkan di kawasan ini, tapi yang pentingnya segala pelan untuk pembangunan ini sudah ditentukan supaya sebahagian daripada 50 peratus kawasan dikhaskan untuk taman dan kawasan riadah," katanya.

Beliau berkata taman di persekitaran KLCC itulah yang memberi nilai yang lebih tinggi kepada pembangunan di kawasan berkenaan.

Dr Mahathir berkata beliau yakin dengan adanya Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, KLCC akan menjadi lebih menarik dan menyumbang kepada satu keperluan kepada sebuah bandar kosmopolitan di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri berkata pusat konvensyen itu merupakan satu kemudahan yang amat diperlukan di sebuah bandar raya sebesar Kuala Lumpur kerana adakalanya orang ramai sukar mendapatkan dewan untuk pelbagai majlis, sehingga mereka terpaksa menangguhkannya.

"Saya yakin kemudahan yang canggih di pusat konvensyen ini akan memenuhi keperluan kita, selain ianya menyumbang kepada seni bina Kuala Lumpur.

"Kita ingin melihat tempat ini menjadi pusat orang ramai di Kuala Lumpur dan seluruh Malaysia berhimpun," katanya.

Beliau berkata dengan adanya pusat konvensyen itu, lebih banyak dewan dapat disediakan untuk orang ramai menjalankan kegiatan sosial dan komersial.

Mengenai pusat konvensyen di Putrajaya, Dr Mahathir berkata ianya memenuhi keperluan lebih khusus dan sebagai tempat bagi mesyuarat antarabangsa bagi ketua-ketua kerajaan dan kakitangan sokongan mereka.

"Reka bentuknya agak berlainan dan bertujuan memenuhi keperluan aktiviti berbentuk lain, yang juga dapat dijalankan di sini," katanya.

Dr Mahathir berkata Putrajaya, sebagai pusat pentadbiran baru kerajaan,

memerlukan tempat persidangannya sendiri kerana ia akan menjadi tumpuan ramai pengunjung dari luar negara dan menganjur beberapa mesyuarat antarabangsa.

"Itu tidak bermakna pusat konvensyen di sini akan bertindih peranan dengan apa yang akan disediakan di Putrajaya," katanya.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Petronas dan KLCC Holdings Berhad kerana menerima cabaran untuk menjadikan pusat konvensyen itu satu kenyataan, beliau berkata ianya satu projek yang baik.

Perdana Menteri berkata beliau menjangkakan menjelang siapnya projek itu, ekonomi akan pulih.

"Memanglah, pada masa ini, keadaan agak kurang menentu tetapi kita kena lihat pada kekuatan dalaman kita untuk mengatasi sebarang masalah berpunca daripada ekonomi dunia yang menurun.

"Sekalipun terdapat keadaan yang tidak menentu ini, saya yakin pusat konvensyen ini akan berjaya," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

HS AHH MAI